



**KENYATAAN TENDER**  
**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)**

- 1) Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatkuasaan (EAIC) mempelawa Petender-Petender yang berkelayakan untuk menyertai Tender Perkhidmatan Sewaan Perkakasan dan Perisian ICT Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun di EAIC.
- 2) Tender ini adalah dibuka kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) yang masih lagi berkuat kuasa dan memiliki semua kod bidang bekalan/perkhidmatan sepertimana berikut:

TAJUK/NO. TENDER	KOD BIDANG PENDAFTARAN	TARIKH & MASA TUTUP TENDER	TEMPAT SERAHAN DOKUMEN TENDER
<b>EAIC/T/01/2024</b>  Tender Perkhidmatan Sewaan Perkakasan Dan Perisian ICT Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Di Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatkuasaan (EAIC)	<b>210101 – (Hardware (low end technology) - Supply all types of computer hardware Including PC, notebook, printer, document scanner, peripherals and maintenance)</b>  <b>210103 – (Software – Supply all computer software, operating system, database, off-the-Shelf packages including maintenance)</b>  <b>210109 – Hardware and Software leasing/renting</b>	<b>11 Disember 2024 (Rabu)</b>  Jam 12.00 Tengah Hari	<b>Peti Tender</b>  Aras 5 Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatkuasaan (EAIC), Blok Menara, Bangunan Menara Usahawan, No. 18 Persiaran Perdana, Presint 2, 62652 Putrajaya.

- 3) Syarikat-syarikat tempatan yang layak dan berminat boleh membeli Dokumen Tender di alamat serta pada hari dan waktu seperti berikut:

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan,  
Aras 5, Blok Menara,  
Bangunan Menara Usahawan,  
No. 18 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62652 Putrajaya.

Isnin - Khamis	:	8.30 pagi	hingga	12.30 tengahari
		2.00 petang	hingga	4.00 petang
Jumaat	:	8.30 pagi	hingga	12.00 tengahari
		2.45 petang	hingga	4.00 petang

**Catatan: Sila bawa bersama dokumen asal dan salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) semasa membeli dokumen tender.**

- 4) Harga bagi satu set dokumen tender ialah **RM 50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja)**. Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk Kiriman Wang/Wang Pos/Bank Draf atas nama **SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN**. Syarikat dikehendaki menunjukkan Sijil Asal Akuan Pendaftaran Syarikat MOF dengan satu salinan fotostat (tidak dikembalikan) semasa hendak membeli dokumen tender. Dokumen tender tidak akan dijual kepada mereka yang gagal menunjukkan sijil tersebut.
- 5) Tender ini dibuka pada **20 November 2024 (Rabu) sehingga pada 11 Disember 2024 (Rabu), jam 12.00 tengah hari**.
- 6) Dokumen Cadangan Teknikal dan Dokumen Cadangan Kewangan hendaklah dihantar menggunakan borang dan format yang telah disediakan. Semua tempat kosong hendaklah diisi. Syarikat dilarang membuat sebarang pindaan ke atas borang yang telah dibeli. **PETENDER YANG TIDAK MENGGUNAKAN BORANG DAN FORMAT YANG TELAH DISEDIAKAN TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.
- 7) Dokumen Cadangan Teknikal (Sampul A) dan Dokumen Cadangan Kewangan (Sampul B) yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan dalam dua sampul surat berasingan dengan menandakan mengikut kategori Dokumen Kewangan dan Dokumen Teknikal dan disatukan dalam satu sampul besar berlakri **tanpa meletakkan sebarang tanda pengenalan syarikat**. Tawaran tender hendaklah dihantar kepada:

**Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan,  
Aras 5, Blok Menara,  
Bangunan Menara Usahawan,  
No. 18 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62652 Putrajaya.**

Pada atau sebelum **jam 12.00 tengah hari** pada **11 Disember 2024 (Rabu)**. Tawaran tender yang lewat menghantar dokumen tender seperti mana arahan tender **tidak akan dipertimbangkan**.

- 8) Tender ini adalah tertakluk kepada syarat dan terma yang ditetapkan. Syarikat yang menyertai tender ini tetapi gagal mematuhi syarat dan terma yang disenaraikan **tidak akan dipertimbangkan**.
- 9) EAIC **tidak akan bertanggungjawab** secara langsung atau tidak langsung, jika berlaku kelewatan, kehilangan atau lain-lain semasa **dokumen tender diserahkan**.
- 10) Dokumen Tender yang **diterima selepas daripada tarikh dan masa yang ditetapkan**, bersabit daripada apa-apa punca sekalipun **tidak akan dipertimbangkan**.
- 11) EAIC tidak akan terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tender.
- 12) EAIC berhak untuk membatalkan tender ini pada bila-bila masa sekiranya perlu dan tidak terikat untuk memberi sebarang sebab atau penjelasan. Sebarang kos yang terpaksa ditanggung oleh pihak Petender kerana urusan tender ini adalah menjadi tanggungjawab pihak Petender dan EAIC ini tidak akan bertanggungjawab terhadap perkara tersebut.
- 13) Sebarang pertanyaan atau penjelasan mengenai Dokumen Tender hendaklah dikemukakan melalui e-mel kepada [eaic-perolehan@eaic.gov.my](mailto:eaic-perolehan@eaic.gov.my) atau menghubungi Urus setia Tender seperti berikut:

Nama : Puan Siti Aishah binti Abd Majid  
No. Telefon : 03-8880 5716  
E-mel : [aishah\\_majid@eaic.gov.my](mailto:aishah_majid@eaic.gov.my)

Nama : Encik Muhammad Amirrul Fitri bin Dzulkifli  
No. Telefon : 03-8880 5715  
E-mel : [amirrul@eaic.gov.my](mailto:amirrul@eaic.gov.my)

Sebarang pertanyaan oleh Petender selepas tarikh tutup **tender tidak akan dilayan**.